

RON95, RON97 naik 6 sen



GAMBAR hiasan

Wartawan HM

HARGA runcit petrol RON95 dan RON97 naik 6 sen iaitu masing-masing kepada RM1.31 dan RM1.61 seliter bagi tempoh 16 hingga 22 Mei ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan hari ini memaklumkan harga runcit diesel turut naik 5 sen iaitu dari RM1.40 seliter kepada RM1.45 seliter.

"Kenaikan ini disebabkan peningkatan harga minyak yang diproses selari dengan harga minyak mentah dunia.

"Bagaimanapun kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/578852/ron95-ron97-naik-6-sen>

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 15 Mei 2020 @ 7:02 PM